

Headline	Kecewa masih tiada insentif		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Dec 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	35	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	140 cm ²
Journalist	Noor Atiqah Sulaiman	AdValue	RM 2,446
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,338



Kecewa masih tiada insentif

» *BBDS serah memorandum bantah 7 agensi enggan laksana keputusan PM*

Oleh **Noor Atiqah Sulaiman**

► Putrajaya

Persatuan Gabungan Kesatuan Badan Berkanun Diasingkan Saraan (BBDS), kecewa dengan kerenah segelintir ahli lembaga tujuh agensi badan berkanun, kerana belum melaksanakan insentif untuk kakitangannya.

Presidennya, Tuan Azman Tuan Yaacob, berkata perbuatan itu bagaikan tidak menghormati Datuk Seri Najib Razak, yang mengumumkan sendiri insentif berkenaan pada Perhimpunan Perdana BBDS Bersama Perdana Menteri pada 25 Mac lalu.

"Antara insentif yang diumumkan Perdana Menteri, imbuhan tetap perumahan, sagu hati persaraan, pelarasan caruman majikan untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan penubuhan dana pencen yang memanfaatkan kira-kira 40,000 pegawai serta kakitangan tujuh agensi BBDS.

"Sekiranya tiada tindakan susulan terhadap ahli lembaga agensi berkenaan, persatuan kami tidak teragak-agak

untuk berhimpun di hadapan Jabatan Perdana Menteri sebagai tanda sokongan kepada kerajaan.

bukan hentam kerajaan

"Memorandum ini bukan bertujuan menghentam kerajaan, sebaliknya kita mahu menegur ahli lembaga tujuh agensi berkenaan yang enggan melaksanakan keputusan Perdana Menteri," katanya kepada pemberita, di pekaraangan Jabatan Perdana Menteri, di sini semalam.

Memorandum kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa itu diterima oleh Setiausaha Sulit Kanan Kepada KSN, Norazman Ayob.

Agensi badan berkanun di bawah BBDS ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Bank Simpanan Nasional (BSN), Tabung Haji (TH), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Perbadanan Hal ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT).